



Anggota polis memeriksa dokumen perjalanan pengguna jalan raya di Jalan Padang Midin, Kuala Terengganu, semalam. (Foto Ghazali Kori/BH)



Pasar Besar Kedai Payang, Kuala Terengganu yang lengang ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Pelanggan tak perlu imbas kod MySejahtera jika hanya isi minyak

Kuala Lumpur: Individu yang mengisi minyak di stesen minyak menggunakan kad kredit, debit atau menambah angin tayar secara berseorangan, tidak perlu mengimbas kod MySejahtera atau mendaftar secara manual.

Selain itu, individu yang membuat pembayaran di kaunter tingkap di luar premis juga tidak perlu mengimbas kod MySejahtera atau mendaftar secara manual.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata hanya individu yang mempunyai urusan di dalam premis, kaunter jualan, tandas dan surau di stesen minyak wajib berbuat demikian.

"Individu itu perlu memastikan tidak ada sebarang komunikasi

dua hala dengan mana-mana pihak termasuk pekerja di stesen minyak berkenaan.

"Individu yang melakukan pembayaran atau transaksi dalam premis untuk pembelian petrol, barangan atau mengeluarkan duit melalui mesin ATM perlu mengimbas kod MySejahtera atau daftar secara manual.

"Apabila berada di dalam, mereka secara langsung bersemuka dan mungkin ramai pelanggan.

"Jika berlaku kes positif dalam kalangan pelanggan yang berada dalam kedai, kontak rapat dapat dikesan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau mengulas kekeliruan dalam kalangan orang awam mengenai prosedur operasi standard

(SOP) di stesen minyak, terutama ketika mengisi minyak di pam stesen.

Ismail Sabri berkata, pengguna yang membuat pembayaran di kaunter tingkap luar premis tidak perlu mengimbas kod MySejahtera.

Bagi mereka yang menghantar kenderaan ke bengkel bersebelahan stesen minyak dan perlu menunggu, katanya, perlu mengimbas kod MySejahtera atau mendaftar secara manual.

"Mereka yang mencuci kenderaan pun kena mengimbas kod MySejahtera kecuali perkhidmatan cuci kenderaan automatik," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Stesen Minyak

Bumiputera Malaysia (BUMIPEDA), Datuk Abu Samah Bachik, berkata pengguna yang membuat pembayaran di kaunter luar menggunakan kad atau aplikasi Setel untuk mengisi minyak tidak perlu merekod butiran diri.

"Ketika ini kalau masuk stesen atau dalam premis memang kena imbas atau catat butiran diri, tetapi kalau di luar atau pandu lalu di kaunter tak perlu.

"Jika tak masuk dalam kedai, tak perlu daftar. Kalau masuk nak bayar, kena daftar.

"Kalau ada dekat pam atau pakai guna aplikasi Setel atau kad, tak perlu daftar butiran diri.

"Masuk tandas dan surau pun tak payah daftar," katanya ketika dihubungi BH, semalam.



Hanya individu yang mempunyai urusan di dalam premis, kaunter jualan, tandas dan surau di stesen minyak wajib imbas kod MySejahtera.

Ismail Sabri Yaakob, Menteri Kanan (Keselamatan)